

BERTUKAR-TUKAR HADIAH MELALUI UNDIAN MENURUT MAZHAB AL-SYAFIE

Mohd Rofaizal Ibhram¹, Dr Mohamed Yusef Niteh² & Maad Ahmad³

ABSTRAK

Tulisan ini berkisar mengenai isu bertukar-bertukar hadiah melalui undian. Oleh kerana itu tulisan ini akan mengkaji pandangan Syara' mengenai bertukar-tukar hadiah melalui undian. Tulisan ini merupakan penyelidikan kepustakaan (library research) untuk mendapatkan data-data yang relevan sebagai pembuka gambaran tentang isi tajuk dan sebagai hipotesis tulisan ini. Kajian ini merupakan kajian diskriptif yang bertujuan untuk mengkaji dan menerangkan hukum Syara' mengenai bertukar-tukar hadiah melalui undian yang sering diadakan dalam program-program santai yang bertujuan suka-suka. Hasil daripada tulisan ini mendapati bahawa bertukar-tukar hadiah melalui undian mengandungi elemen pelanggaran Syarak yang serius.

Kata kunci: bertukar-bertukar hadiah-hibah-hadiah-undian

ABSTRACT

This study is about exchanging gifts through draw lots. It will discuss about the views from Islamic scholars regarding this matter. Library research is the method applied to get all the relevant data such as the introduction, content as well as the hypothesis of this study. Besides this study is a descriptive analysis that helps to research and explain all the hukum about the exchanging present that has been practised for so many entertaining events. The finding from this study revealed that the practise has some major issue that is against Islamic practise in Sharia perspectives.

Key word: Exchanging gifts-hibah-gifts-draw lots

Pendahuluan

Program bertukar-bertukar hadiah melalui undian dalam acara-acara tertentu seperti hari keluarga, re-union dan sebagainya sudah menjadi kebiasaan. Setiap peserta program perlu membawa hadiah sebagaimana yang disyaratkan oleh penganjur dan kemudian menyerahkan hadiah tersebut kepada penganjur serta membuat undian dan nama siapa yang tertera di kertas undian, orang itulah yang akan menerima hadiah tersebut. Sebagai sebuah acara yang melibatkan harta atau barang-barang bernilai sudah tentu penelitian dari sudut Syariah perlu dilakukan agar tidak termasuk dalam perbuatan “mengambil harta orang lain secara batil”. Bertukar-tukar hadiah di kalangan peserta sesebuah program seperti program hari keluarga, re-union, sukaneka dan sebagainya sudah menjadi popular di kalangan masyarakat Malaysia. Terdapat peserta yang gembira kerana memperolehi hadiah yang lebih berharga dari hadiah yang di serahkannya.

Terdapat pula peserta yang marah dan tidak berpuas hati apabila memperolehi hadiah yang langsung tidak setimpal dengan hadiah pemberiannya. Ada peserta yang sengaja

¹ Pensyarah Pusat Pengajian Teras, KUIS.

² Pensyarah Pusat Pengajian Teras, KUIS.

³ Pensyarah Pusat Pengajian Teras, KUIS.

memberikan hadiah yang kurang lumayan dengan niat mendapat hadiah yang lebih berharga. Situasi ini menimbulkan rasa tidak puas hati dikalangan peserta. Penelitian awal juga menunjukkan bahawa terdapat peserta yang marah dan tidak berpuas hati serta merungut kerana mendapat hadiah yang langsung tidak sepadan dengan hadiah pemberiannya. Persoalan yang timbul ialah bagaimana program yang di harapkan dapat memupuk semangat kasih sayang dan bersilatullah sebagai yang di anjurkan oleh Syara' dengan saling memberi hadiah boleh bertukar menjadi sebaliknya.⁴

Ada dikalangan peserta yang memutuskan untuk membawa hadiah yang tak seberapa atau biasa-biasa sahaja kerana sudah serik tidak mendapat balasan hadiah yang setimpal pada program pertukaran hadiah yang lepas.

Permasalahan yang dibincangkan dalam tulisan ini ialah hibah atau hadiah yang mempunyai unsur-unsur mengharap balasan dari pemberiannya kerana peserta yang terlibat dalam program pertukaran hadiah masing-masing mengharap hadiah yang senilai atau lebih baik dari hadiah yang diserahkannya.

Selain itu peserta juga tidak mengetahui siapakah yang akan menerima hadiahnya dan dari siapakah pula dia akan menerima hadiah kerana proses pertukaran hadiah di lakukan secara undian. Peserta masing-masing tidak mengetahui jenis dan nilai hadiah yang akan di terimanya.

Pemeliharaan harta merupakan suatu tuntutan dalam Islam yang wajib di patuhi. Mematuhi arahan Syara' dalam memelihara harta bermaksud setiap orang Islam perlu memastikan bahawa harta miliknya tidak diserahkan kepada pihak yang tidak sepatutnya atau membelanjakan wang ke arah perkara yang boleh membinasakan hartanya atau harta orang lain. Sebarang bentuk pemberian harta kepada pihak kedua atau ke tiga perlu di pastikan dengan jelas prinsip dan aturan Syarak yang berkaitan dengan perkara yang hendak di lakukan. Penelitian penulis dari pelbagai sumber mengenai isu ini menemui bahawa program bertukar hadiah antara peserta-peserta program dengan cara undian mengandungi elemen pelanggaran Syarak yang serius sebagaimana pandangan yang di utarakan oleh beberapa ulamak timur tengah di laman-laman web mereka. Penulisan ini akan mengengahkan pandangan ulamak mazhab al-Syafie dalam isu tersebut.

Hadiah dan Hibah

Dalam realiti kehidupan manusia yang bermasyarakat hadiah memiliki pengaruh yang baik untuk mewujudkan ikatan dan hubungan sosial. Pemberian hadiah sentiasa berulang-ulang dan berlaku dalam setiap acara-acara kemasyarakatan dan selainnya. Dengan pemberian hadiah kasih sayang akan bertambah dan terhapuslah kedengkian sesame manusia.

Hadiah merupakan bukti rasa cinta dan bersihnya hati pemberi hadiah yang disertai dengan rasa penghormatan dan pemuliaan kepada penerima hadiah. Kerana itulah Rasulullah SAW menerima pemberian hadiah dan baginda nabi SAW menganjurkan untuk saling memberi hadiah serta menganjurkan untuk menerimanya.

Rasulullah SAW apabila diberi makanan beliau bertanya tentang makanan tersebut, "Apakah ini hadiah atau sedekah?" Apabila dikatakan, "Sedekah" maka beliau berkata

⁴ TEMUBUAL BERSAMA BEBERAPA JEMAAH MASJID Raja Muda Musa, Semenyih.

kepada para shahabatnya, “Makanlah kalian!” Sedangkan beliau tidak makan dan jika dikatakan “hadiah” beliau mengisyaratkan dengan tangannya (tanda penerimaan) lalu beliau makan bersama mereka.⁵

Sabda rasulullah SAW:

*Hendaknya kalian saling memberi hadiah, niscaya kalian akan saling mencintai.*⁶

*Penuhilah undangan, jangan menolak hadiah, dan janganlah menganiaya kaum muslimin.*⁷

Para ulama berselisih pendapat tentang orang yang diberikan hadiah, apakah wajib menerimanya atau disunatkan sahaja? Pendapat yang di pilih ialah orang yang diberikan hadiah yang mubah iaitu tidak terdapat sebarang halangan dari Syara’ untuk menolak atau menerimanya maka tetapi sebaiknya adalah menerimanya.

Dari Umar r.a rasulullah SAW memberiku sebuah hadiah lalu aku katakana : Berilah kepada orang yang lebih fakir dariku maka rasulullah SAW berkata: *Ambillah apabila datang kepadamu sesuatu dari harta ini, sedangkan engkau tidak tamak dan tidak pula memintanya maka ambillah dan simpan untuk dirimu, jikalau engkau menghendakinya, maka makanlah dan bila engkau tidak menginginkannya, bersedekahlah dengannya*⁸.

Penulis kitab al-Fiqh al-Manhaji menyatakan bahawa hibah ialah akad yang memberi faedah pemilikan ‘ain tanpa mengharap balasan dari penerima semasa hidup, secara sukarela.⁹

Imam al-Syafie membahagikan pemberian (العطايا) kepada beberapa bahagian:

1. Pemberian yang berkait dengan kematian iaitu wasiat
2. Pemberian yang berkuat kuasa serta merta dan terbahagi kepada dua:
 - i. Semata-mata untuk memberi pemilikan kepada seseorang seperti hibah, sedekah dan hadiah.
 - ii. Wakaf

Dalam mazhab al-Syafie memberi pemilikan kepada seseorang tanpa mengharap apa-apa balasan di namakan sebagai hibah dan hadiah ialah untuk memuliakan seseorang manakala sedekah pula ialah memberi milik suatu harta kepada seseorang yang memerlukannya dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Perbezaan lain antara hibah dan hadiah ialah hibah berbeza dengan hadiah kerana hadiah perlu di pindahkan dari satu ke tempat yang lain atau di bawa kepada penerima maka oleh yang demikian menurut mazhab al-Syafie pemberian harta tak alih seperti tanah tidak boleh di sebut dengan istilah hadiah.

⁵ Riwayat Bukhari dan Muslim

⁶ Al Bukhari dalam Adabul Mufrad, Shahihul Jami’ no: 3004 dan Al Irwa’ no: 1601

⁷ Ahmad, Ibnu Abi Syaibah, Al Bukhari dalam Adabul Mufrad dan Shahihul Jami’ Ash Shaghir no: 158

⁸ Riwayat al Bukhari dan Muslim

⁹ Al-Fiqhul Manhaji ‘Ala Mazhabil Imam al-Syaafi’iy – Dr Mustafa al-Khin, Dr Mustafa al-Bugha dan ‘Ali al-Syarbaji, jld 3, ms 101, cetakan keenam Darul Qalam, Damsyiq/ 2005.

Secara umumnya perbezaan lafaz antara hibah, sedekah dan hadiah adalah sudut keumuman dan pengkhususan. Dari sudut pengumuman istilah, perkataan sedekah dan hadiah adalah hibah manakala dari sudut pengkhususannya pula hibah bukan hadiah dan sedekah¹⁰. Jadi perkataan hibah di gunakan untuk menunjukkan hadiah dan sedekah.¹¹

Menurut Ibnu Hajar hibah digunakan untuk menunjukkan makna umum bagi segala bentuk pemberian termasuklah *ibra'* iaitu menggugurkan hutang dari penghutang, Sedekah iaitu hibah atau pemberian semata-mata untuk mendapat ganjaran akhirat dan hadiah iaitu pemberian yang mengikat penerima untuk memberi balasan kepada pemberi. Hibah juga digunakan untuk memberikan makna yang lebih khusus iaitu pemberian daripada seseorang yang tidak mengharapkan apa-apa balasan dan hibah dengan makna yang khusus inilah yang telah di takrifkan oleh para ulamak sebagai pemberian yang memberi pemilikan kepada penerima tanpa apa-apa balasan.¹²

Pada pengamatan penulis perbezaan istilah ini ialah untuk menentukan niat pemberi dan juga keadaan orang yang menerima. Jika pemberian tersebut di lakukan tanpa ada niat untuk mendapatkan balasan maka di lihat kepada penerima. Jika penerima seorang yang memerlukan maka pemberian tersebut adalah sedekah dan jika penerima bukan seorang yang berhajat maka dilihat samada pemberian tersebut sebagai menghargai seseorang atau menghormati kedudukannya samada pemberi dan penerima sama taraf atau berbeza taraf sebagaimana pandangan imam al-Nawawi maka itu adalah hadiah dan jika sekiranya pemberian tersebut semata-mata pemberian maka itu adalah hibah.

Menurut pandangan dalam mazhab hibah atau sedekah atau hadiah adalah bergantung kepada niat seseorang. Pemberian yang diniatkan untuk mendapat pahala adalah sedekah walaupun penerimanya tidak mempunyai keperluan. Menurut pandangan ini juga jika pemberi membawa dan menghantar pemberian tersebut untuk diserahkan ketangan penerima dengan niat untuk mendapat pahala maka pemberian tersebut juga di anggap sedekah dan jika tanpa niat mendapat pahala maka pemberian tersebut adalah hadiah.¹³ Pandangan ini juga bersandarkan kepada kebiasaan penggunaan lafaz hadiah dan hibah sebagaimana yang dibincangkan dalam mazhab yang mengkhususkan perkataan hadiah kepada harta alih manakala hibah kepada harta alih dan tak alih.

Namun mengkhususkan lafaz hadiah kepada pemberian harta alih tidak lain hanyalah suatu bentuk kelaziman untuk memuliakan penerima sehingga hadiah dibawakan kepadanya. Selain itu juga memperincikan perbezaan antara hadiah dan hibah juga tidak menampakan perbezaan yang jelas dalam mazhab kerana imam al-Nawawi menukulkan beberapa pandangan dari ulamak mazhab yang menyamakan antara hibah dan sedekah sebagai pemberian yang bertujuan untuk berkasih sayang dan mendekatkan hubungan.

Pandangan penulis juga bersandarkan kepada salah satu pandangan dalam mazhab yang tidak membezakan antara hibah, hadiah dan sedekah dari sudut lafaz. Menurut pandangan ini lafaz hibah, sedekah dan hadiah saling menepati antara satu sama lain iaitu

¹⁰ Al-Nawawi, *raudhatu al-thalibin wa 'umdatu al-muftiin*, 1991, al-maktab al-Islami, Beirut.

¹¹ Abu Yahya Zakariya al-ansori, *Fath al-wahhab bi syarh minhaj al-thullab*.

¹² Al-takmilah al-thaniah, al-majmu' syarh al-muhazzab, al-maktabah al-salafiyyah, Madinah al-Munawwarah,

¹³ *Zad al-muhtaj bi syarh al-minhaj*, 1982. Al-Nawawi, *raudhatu al-thalibin wa 'umdatu al-muftiin*, 1991, al-maktab al-Islami, Beirut. *Zad al-muhtaj bi syarh al-minhaj*, 1982.

lafaz hibah juga bermaksud sedekah dan hadiah, sedekah juga bermaksud hibah dan hadiah dan hibah juga bermaksud hadiah.¹⁴

Namun begitu penggunaan lafaz atau istilah antara sedekah, hibah dan hadiah juga memberi implikasi hukum yang berbeza dalam beberapa situasi. Orang yang bersumpah seperti "*Demi Allah aku tidak akan memberi hibah*" dan kemudian dia memberi sedekah atau hadiah maka orang bersumpah tersebut perlu membayar kafarah sumpah. Dalam situasi yang lain apabila seseorang bersumpah "*Demi Allah aku tidak akan memberi hadiah*" dan kemudian dia memberi hibah kepada seseorang maka orang yang bersumpah tersebut tidak perlu membayar kafarah sumpah.

Pandangan ini menampakkan bahawa lafaz hibah adalah umum merangkumi hadiah dan sedekah manakala lafaz hadiah adalah khusus sebagaimana yang telah dinyatakan.

Begitu juga hadiah boleh bertukar menjadi sedekah atau sebaliknya sebagaimana dalam hadis Barirah r.a yang menghadihkan daging yang disedekahkan kepada beliau kepada Rasulullah SAW.

Rukun Hibah

Setiap hadiah dan sedekah adalah hibah namun hibah tidak pula di kategorikan sebagai hadiah dan sedekah sebagaimana pandangan dalam mazhab.¹⁵ Rukun hibah ada tiga iaitu :

1. Pemberi hibah
2. Penerima hibah
3. Ijab dan qabul

Ulamak tidak berbeza pandangan mengenai hibah yang memerlukan ijab dan qabul. Namun ulamak berbeza pandangan mengenai hadiah samada disyaratkan lafaz ijab dan qabul sebagaimana jual-beli dan wasiat atau tidak disyaratkan lafaz ijab dan qabul. Pandangan syeikh Abi Hamid dan anak murid beliau ialah hadiah memerlukan kepada lafaz ijab dan qabul. Pandangan yang kedua ialah hadiah tidak memerlukan ijab dan qabul dengan lafaz bahkan cukup sekadar diserahkan kepada penerima dan ini merupakan pendapat yang sah dalam mazhab.¹⁶

Pandangan yang kedua berhujah dengan riwayat-riwayat yang menyebutkan bahawa nabi SAW menerima banyak hadiah yang dibawakan kepada baginda dan baginda hanya menerima hadiah tersebut tanpa sebarang lafaz. Uruf yang berlaku di kalangan manusia juga menunjukkan perkara yang sama. Bahkan banyak berlaku di kalangan orang ramai yang mengirimkan hadiah-hadiah kepada penerima yang disampaikan melalui kanak-kanak yang tidak mengerti apa-apa.

Pihak yang berpandangan bahawa hadiah memerlukan ijab dan qabul berhujah bahawa apa yang berlaku di kalangan orang awam ialah kebenaran untuk menggunakan barang yang di serahkan bukan hadiah atau pemberian yang memberikan pemilikan kepada penerima. Namun hujah ini disangkal bahawa jika pemberian tersebut hanya bersifat kebenaran

¹⁴ Al-bayan fi mazhab al-imam al-Syafie, al-Imrani al-Syafie al-Yamani, al-minhaj.t.t

¹⁵ Al-Nawawi, raudhatu al-thalibin wa 'umdatu al-muftiin,1991, al-maktab al-Islami,Beirut. Zad al-muhtaj bi syarh al-minhaj,1982.

¹⁶ Ibid

menggunakan barangan yang diserahkan maka bagaimana penerima boleh bertindak ke atas pemberian tersebut sebagaimana tindakan seorang pemilik sedangkan yang berlaku ialah penerima melakukan apa sahaja terhadap pemberian tersebut termasuklah memberikannya kepada orang lain.

Pandangan dalam mazhab juga ialah hadiah mestilah suatu yang diketahui. Menurut pandangan ini hadiah tidak boleh dalam bentuk yang tidak diketahui atau tidak ditentukan.

Perbezaan Antara Hibah, Hadiah Dan Sedekah Dari Sudut Hukum

Hibah, hadiah dan sedekah adalah perkara sunat yang amat di tuntutan oleh agama. Hibah, hadiah dan sedekah berbeza antara satu sama lain dari beberapa sudut hukum. Antaranya ialah menurut pandangan yang sahih dalam mazhab al-Syafie hibah memerlukan ijab dan qabul sebagaimana akad jual-beli manakala hadiah hanya memerlukan *al-qabd* iaitu diserahkan dan diterima oleh penerima begitu juga dengan sedekah.¹⁷

Menurut Ibnu Sabbagh hibah tidak memerlukan ijab dan qabul sebagaimana hadiah dan sedekah kerana tidak diriwayatkan bahawa nabi SAW melafazkan lafaz qabul atau ijab bahkan nabi SAW apabila di berikan hadiah baginda menerimanya dan menggunakannya.¹⁸

Oleh kerana hibah tertakluk kepada sughah ijab dan qabul sebagaimana pandangan yang sahih dalam mazhab maka hibah tidak boleh disandarkan kepada syarat dan juga tempoh masa sebagaimana akad-jual beli kerana hibah ialah memberi pemilikan kepada seseorang yang berkuat kuasa serta-merta. Menurut mazhab juga barang yang dihibahkan mestilah diketahui dengan jelas kerana hibah ialah pemberian yang memberi pemilikan serta merta kepada penerima sebagaimana jual-beli. Menurut pandangan yang masyhur dalam mazhab hadiah dan hibah tidak menjadi milik penerima melainkan setelah di diterima oleh penerima¹⁹.

Walaupun telah berlaku ijab dan qabul di dalam sesuatu pemberian hibah perbincangan di kalangan ulama bermazhab al-Syafie merumuskan bahawa penerima masih belum memiliki sepenuhnya barang yang dihibah tersebut kecuali setelah barang tersebut diambil atau dipegang oleh penerima hibah dan dengan izin pemberi hibah.

Dan tidak memiliki akan benda yang dihibah itu melainkan dengan qabd dengan izin daripada yang memberinya atau wakilnya. Sekiranya berselisih keduanya antara pemberi dan penerima hibah pada keizinan pada penerima barang hibah, maka hendaklah diterima kata-kata pemberi hibah. Sekiranya telah diterima barang itu oleh penerima hibah dan berkata pemberi hibah "aku berqasad dengan barang itu sebagai sewaan ataupun sebagainya....tetapi diingkari oleh penerima hibah, maka hendaklah diterima kata-kata pemberi hibah"²⁰

¹⁷ Ibid

¹⁸ Hadis yang di riwayatkan oleh imam al-Bukhari (2573) dari Sa'b Bin Juthamah. Al-bayan fi mazhab al-imam al-Syafie, al-Imrani al-Syafie al-Yamani, al-minhaj (tiada tahun)

¹⁹ Al-Nawawi, raudhatu al-thalibin wa 'umdatu al-muftiin, 1991, al-maktab al-Islami, Beirut.

²⁰ Al-Khatib al-Syirbini, Mughni al-muhtaj ila ma'rifat al-faz al-minhajl, dar al-ma'rifah, Beirut, Lubnan, 1997.

Oleh yang demikian pemberi hibah mempunyai hak khiyar iaitu memilih samada untuk meneruskan hibah atau sebaliknya selagi barang yang dihibahkan tidak diterima atau masih belum sampai kepada penerima begitu juga jika penerima hibah mengambil hibah sebelum mendapat keizinan pemberi. Jika pemberi hibah memberi keizinan untuk penerima mengambil hibah lalu kemudian menarik balik keizinan tersebut sebelum sempat penerima mengambilnya maka keizinan tersebut terbatal dengan sendirinya.²¹

Walau terdapat perbezaan dari sudut hukum antara hibah, sedekah dan hadiah namun mazhab berpandangan bahawa hibah atau hadiah tidak berpindah milik kepada penerima melainkan setelah diserahkan dan diterima oleh penerima²². Oleh itu penggunaan perkataan hibah atau sedekah tidak banyak bezanya dari sudut pemilikan barang yang di hibahkan atau di hadiahkan.

Pemberi hadiah masih boleh menarik balik hadiahnya selagi belum di serahkan dan diterima oleh penerima. Pemberian hadiah juga tidak boleh diikat dengan syarat menurut pandangan fuqaha' mazhab yang tidak membezakan hibah, hadiah dan sedekah begitu juga dari sudut barang yang di hadiahkan mestilah jelas dan diketahui.

Hibah Dan *i'wadh al-hibah*

Membalas pemberian hadiah dengan hadiah yang senilai dengan hadiah yang diterimanya atau dengan sesuatu yang lebih baik dari hadiah tersebut merupakan perkara yang di anjurkan oleh Syara'. Apabila penerima tidak mampu untuk membalas pemberian tersebut maka cukup sekadar menunjukkan penghargaannya terhadap pemberian tersebut dan mendoakan kebaikan kepada pemberi.

Dari Ibnu Umar r.a nabi SAW bersabda:

Barangsiapa yang meminta perlindungan kepada kalian dengan nama Allah, maka lindungilah dia. Dan barangsiapa yang meminta kepada kalian dengan nama Allah, maka berilah dia. Dan barangsiapa mengundang kalian, maka penuhilah undangan tersebut. Barangsiapa berbuat kebajikan pada kalian. Maka balaslah dengan semisalnya. Lalu jika kalian tidak mendapati sesuatu yang semisalnya yang boleh kalian berikan, maka doakanlah untuknya dengan kebaikan hingga kalian memandang bahwasanya kalian sungguh telah membalasnya dengan seumpamanya (hadiah yang diterima).²³

Dari Jabir r. beliau berkata bahwa Rasulullah SAW bersabda:

Barangsiapa diberikan sesuatu lalu dia ada sesuatu untuk diberikan (sebagai balasan) hendaknya dia membalasnya dan barangsiapa yang tidak ada sesuatu untuk membalasnya maka hendaknya ia menyanjungnya. Apabila dia telah menyanjungnya, sungguh ia telah berterima kasih kepadanya.²⁴

Al Imam al-Thabrani meriwayatkan dari al-Hakam bin Umair dia berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

²¹ Ibid

²² Ibid

²³ Riwayat Muslim, Abu Dawud, An Nasa'I - Shahihul Jami' no: 6021

²⁴ Abu Daud, Al- Tirmidzi, Al Bukhari- Shahihul Jami' no: 6065 dan al-Shahihah no:617

Barangsiapa memberikan sesuatu kepada kalian berupa kebajikan, maka balaslah dengan semisalnya dan jika kalian tidak mempunyai sesuatu (untuk membalas pemberiannya) maka doakanlah untuknya kebaikan²⁵

Hadis-hadis ini jelas menunjukkan anjuran membalas pemberian hadiah dengan semisalnya dan menyanjung pemberi hadiah dengan ucapan terima kasih sebagai penghargaan dan mendoakan kebaikan untuknya sebagai tanda syukur kepada Allah SWT.

Hibah dengan syarat balasan

Walaupun pemberian hadiah merupakan tabarru' iaitu pemberian yang tidak diharapkan balasan sebagaimana konsep asal hadiah, hibah dan sedekah namun tradisi memberi dan membalas pemberian hadiah tetap tertakluk kepada kaedah perumusan hukum seperti soal halal-haram, riba, gharar, maslahah, dan maqasid syar'iyah terutamanya apabila tradisi memberi dan membalas pemberian hadiah dimasuki dengan elemen-elemen baharu seperti hadiah dengan undian, meletakkan syarat-syarat tertentu untuk menerima hadiah dari pihak lain dan bermacam-macam elemen lain seperti dalam permasalahan yang di bincangkan dalam tulisan ini.

Dalam konteks ini, terdapat kaedah fiqh yang berbunyi "*tidak boleh dinafi atau diengkar perubahan sesuatu hukum kerana perubahan masa*". Mustafa al-Zarqa' menegaskan bahawa kaedah ini membawa mesej jelas betapa hukum akan berubah dengan perubahan budaya dan cara hidup manusia. Dalam bidang perniagaan, kaedah perniagaan juga akan terus berubah bersama-sama dengan kemajuan zaman dan tamadun manusia itu sendiri.

Dalam mendepani permasalahan-permasalahan sebegini maka para ulamak mengambil pendekatan dengan meneliti dan menilai perkara-perkara baharu berkaitan transaksi kewangan yang berlaku di kalangan manusia dengan mengambil kira keperluan kepada perkara tersebut, bebas dari unsur-unsur riba, gharar dan maisir, memakan harta secara batil, tidak memudharatkan salah satu pihak atau mengakibatkan kehilangan hak seseorang, tidak bercanggah dengan nas atau ijmak yang sorih dan jelas, terutamanya dalam keadaan di mana terdapatnya syarat-syarat tertentu dalam suatu akad maka pada ketika ini syarat tersebut perlu diteliti.

Perbahasan mengenai gharar yang terdapat dalam penulisan-penulisan ulama terdahulu lebih menumpukan kepada gharar dalam jual beli. Para ulama membahaskan bahawa gharar dalam jual beli boleh berlaku dalam beberapa aspek. Al-Baji dan Ibn Rusyd menyatakan gharar dalam muamalat boleh berlaku pada akad, tukaran *`iwadh*. Pemberian hadiah, hibah dan sedekah adalah sebahagian dari permasalahan muamalat yang melibatkan kontrak dan syarat-syarat tertentu.

Slot pertukaran hadiah kebiasannya dilakukan dalam program hari keluarga, hari perjumpaan semula dan hari sukaneka. Setiap peserta program perlu membawa hadiah sebagaimana yang disyaratkan oleh penganjur untuk slot program bertukar hadiah sesama mereka dan kemudian menyerahkan hadiah tersebut kepada penganjur serta membuat undian.

²⁵ Shahih al- Jami' no:5937

Setiap hadiah akan di “tagged” dengan nombor dan nombor tersebut kemudiannya di masukkan ke dalam satu bekas. Setiap nombor yang di letakan dalam bekas undian mewakili hadiah-hadiah yang dikumpulkan dari setiap peserta.

Peserta yang datang dengan hadiah akan diberikan hak untuk membuat cabutan dan nombor yang dicabut oleh peserta bermaksud beliau akan menerima hadiah dari peserta lain namun tidak diketahui isinya dan dari siapa. Kebanyakan peserta yang terlibat dalam slot pertukaran hadiah mengharapkan balasan dari pemberiannya kerana peserta yang terlibat dalam program pertukaran hadiah masing-masing mengharapkan hadiah yang senilai atau lebih baik dari hadiah yang di serahkannya.

Selain itu peserta juga tidak mengetahui siapakah yang akan menerima hadiahnya dan dari siapakah pula dia akan menerima hadiah kerana proses pertukaran hadiah di lakukan secara undian. Peserta masing-masing tidak mengetahui jenis dan nilai hadiah yang akan di terimanya.

Menurut pandangan mazhab pemberian balasan hibah adalah tidak diwajibkan jika tidak di nyatakan dengan jelas bahawa pemberi mahukan balasan dari pemberiannya samada pemberiaan tersebut kepada seseorang yang sama taraf dengannya atau lebih tinggi. Ini kerana pemberian tersebut adalah bertujuan untuk merapatkan hubungan dan kasih-sayang dan begitu juga dengan hadiah. Namun niat pemberi hadiah atau hibah samada mahukan balasan atau tidak dapat ditentukan dengan tanda-tanda atau alamat yang menunjukkan hasratnya sebagaimana yang di sebutkan oleh al-Azra’i. Menurut pandangan lain pemberian balasan hibah adalah wajib kerana melihat kepada uruf yang berlaku tanpa mengambil kira niat pemberi samada mahukan balasan atau tidak.²⁶

Jumhur ulamak bermazhab al-Syafie berpandangan bahawa hibah yang di syaratkan ada *'iwadh* adalah jual-beli dan hanya sah jika *'iwadh* tersebut di ketahui dengan jelas. Sebagaimana pandangan dalam mazhab al-Syafie imam Malik mempunyai pandangan yang serupa iaitu jika pemberian hibah disertai dengan syarat balasan maka hibah mengambil hukum jual beli.²⁷

Dalam mazhab al-Syafie hibah bertukar menjadi jual-beli jika disebutkan dalam akad “*aku hibahkan kamu ini dan kamu hibahkan aku itu*” dan tidak menjadi jual beli jika disebut “*aku hibahkan kamu ini*” dan jawab penerima “*aku hibahkan kamu itu*” namun hukumnya adalah makruh.

Penjelasan sedemikian diambil dari tulisan Syeikh Daud Abdullah al-fathani. Dalam tulisannya beliau memberikan contoh-contoh mengenai helah untuk mengelakkan jual-beli daripada mengandungi unsur-unsur riba. Menurut beliau unsur-unsur riba boleh dielakkan dalam pertukaran barangan ribawi yang sama jenis dan illah dengan menggunakan lafaz hibah, bukan jual beli seperti “*ini emasku aku beri akan dikau*” dan kata taulannya “*emas ini aku beri akan dikau*” maka tidak menjadi riba walaupun tidak sama timbangan.²⁸

Hibah yang di syaratkan *iwadh* terbahagi kepada *iwadh ma'lum* (yang diketahui) dan *iwadh ghair ma'lum* (tidak diketahui). Menurut pandangan dalam mazhab al-Syafie apabila

²⁶ Al-Ramli,2003, nihayat al-muhtaj fi syarh al-minhaj, dar al-kutub al-ilmiyyah, Beirut,Lubnan.

²⁷ Al-majmu' syarh muhazzab j/15 m/s 375

²⁸ Syeikh Abdullah al-fathoni, *al-jawahir al-saniyyah*

iwadh dinyatakan dengan jelas dalam akad hibah maka akad menjadi sah dan jika sebaliknya maka menurut pandangan jumbuh pemberi hibah tetap berhak menerima *iwadh* namun menurut imam al-Ghazali akad hibah tersebut telah terbatal kerana telah bertukar kepada akad jual-beli.²⁹

Manakala menurut satu pandangan dalam mazhab al-Syafie hibah menjadi batal jika *iwadh* tidak diketahui kerana pertukaran tersebut tidak sah diandaikan sebagai jual beli kerana ketidaktentuan tukaran dan tidak sah pula diandaikan sebagai hibah kerana disebutkan *iwadh*.³⁰

Pandangan lain dalam mazhab ialah hibah menjadi batal kerana berlawanan dengan maksud sebenar hibah dan menurut satu pandangan lain hibah tetap kekal sebagai hibah. Melihat kepada pandangan pertama dalam mazhab maka hukum pemberian hibah tersebut berubah menjadi jual-beli dan pendapat inilah yang terpakai dalam mazhab menurut pandangan jumbuh ulamak.³¹ Daripada pandangan-pandangan ulamak yang di nukilkan maka jelas menurut pandangan jumbuh ulamak mazhab al-Syafie hibah yang di syaratkan tukaran dalam akad adalah jual beli.³²

Nilai balasan hibah

Mengenai nilai balasan pula secara umumnya ulamak berbeza pandangan samada balasan tersebut mesti sama dengan hadiah yang di berikan, atau mengikut uruf atau cukup sekadar sesuatu yang berharga. Ulamak mazhab al-Syafie juga bersetuju bahawa pemberi hadiah atau hibah berhak untuk menarik balik pemberiannya jika balasan yang di terimanya tidak setimpal dengan pemberiannya atau tidak dianggap sebagai balasan pemberian oleh uruf.³³

Kesimpulan:

1. Pemberian hadiah tidak boleh diikat dengan syarat menurut pandangan fuqaha' mazhab yang tidak membezakan hibah, hadiah dan sedekah dan inilah pandangan jumbuh ulamak kecuali mazhab Maliki.
2. Barang yang dihadiahkan mestilah jelas dan diketahui.
3. Pemberian hadiah yang disyaratkan mendapat balasan telah berubah hukum menjadi jual-beli dan bukan lagi hibah seperti mana pandangan jumbuh ulamak al-Syafie.
4. Walaupun peserta program bertukar hadiah tidak meletakkan syarat mendapat balasan daripada hibahnya namun setiap peserta mengharapkan balasan daripada hibahnya.
5. Antara rukun dan syarat-syarat hibah ialah penerima hibah mestilah wujud dan diketahui serta tertentu. Namun dalam program bertukar-tukar hadiah pemberi tidak mengetahui siapakah yang akan menerima hadiahnya kerana masing-masing peserta

²⁹ Raudhat al-tholibin wa umdatu al-muftin j/5 m/s 387

³⁰ Al-musuah al-fiqhiyyah, mughni al-muhtaj ila ma'rifat al-faz al-minhaj j/2 m/s 522, al-mughni j/8 m/s 280

³¹ mughni al-muhtaj ila ma'rifat al-faz al-minhaj j/2 m/s 522, Syarh muntaha iradat j/3 m/s 184, al-qawanin al-fiqhiyyah li Ibni al-Jazi al-Maliki

³² mughni al-muhtaj ila ma'rifat al-faz al-minhaj j/2 m/s 522, Al-ma'ani al-badi'ah fi makrifati ikhtilaf ahli al-syariah j/2, m/s 119-124

³³ Raudhat al-tholibin wa umdatu al-muftin j/5 m/s 385

- akan menerima hadiah daripada peserta yang lain berdasarkan undian atau cabutan nama/nombor yang disediakan oleh penganjur.
6. Undian yang diadakan untuk menentukan penerima hadiah juga mengandungi masalah kerana situasi tersebut menjadikan hadiah tersebut tidak diserahkan kepada penerima melainkan dengan syarat namanya diundi oleh peserta lain untuk menerima hadiahnya. Ini menjadikan penerima hadiah tidak mengetahui hadiah siapakah akan menjadi miliknya dan siapa pula yang akan menerima hadiahnya.
 7. Undian juga menjadikan hadiah “tergantung” iaitu peserta hanya akan layak menerima hadiah jika apabila namanya telah diundi dan situasi juga bertentangan dengan pendapat jumur ulamak yang menegah hadiah bersyarat.
 8. Pemberian hadiah dengan cara pengundian juga mengandungi unsur gharar/ketidakpastian yang jelas kerana peserta tidak mengetahui hadiah yang akan diterimanya dari pihak lain.
 9. Gharar atau ketidakpastian di sini ialah penerima tidak dapat memastikan nilai hadiah yang akan diterimanya samaada lebih bernilai dari hadiahnya atau sebaliknya dan perkara ini sudah tentulah akan menyebabkan ketidakpuasan hati sesetengah pihak jika dia menerima hadiah yang begitu rendah nilainya berbanding hadiah yang diberikannya.
 10. Undian yang dilakukan juga menjadikan pertukaran hadiah seolah-olah sebagai suatu permainan. Undian yang menyerupai permainan ini menjadikan peserta tertanya-tanya hadiah yang akan di terimanya dan jika bernasib baik dia akan menerima hadiah yang lebih baik atau sebaliknya.
 11. Undian ini menjadikan pemberian hadiah ialah seperti memberi hadiah kepada orang lain yang tidak dipastikan siapakah penerimnaya untuk mendapat balasan hadiah dari orang yang lain yang tidak juga dapat di pastikan siapakah gerangannya.
 12. Undian juga menunjukkan bahawa hadiah yang dibawa oleh peserta adalah pelbagai dan mempunyai nilai yang berbeza-beza dan mereka saling mengharapkan menerima hadiah yang boleh menyenangkan mereka.
 13. Menurut para ulamak hadiah yang di terima sebagai balasan pemberian mestilah setimpal dengan hadiah yang diserahkan mengikut uruf. Namun ianya sukar di lakukan memandangkan penerima hadiah hanya perlu berpuas hati dengan hadiah yang di terimanya dan hadiahnya pula sudah berpindah milik kepada orang lain yang ditentukan melalui undian.

Rujukan

- Al-Fiqhul Manhaji ‘Ala Mazhabil Imam al-Syaafi’iy – Dr Mustafa al-Khin, Dr Mustafa al-Bugha dan ‘Ali al-Syarbaji, cetakan keenam Darul Qalam, Damsyiq/ 2005.
- Al-Khatib al-Syirbini, Mughni al-muhtaj ila ma’rifat al-faz al-minhajl, dar al-ma’rifah, Beirut, Lubnan,1997.
- Muhammad Bin Abdillah Bin Abi Bakr, al-ma’ani al-badi’ah fi makrifati ikhtilaf ahli al-syariah , dar al-kutub al-ilmiiyyah, Beirut,Lubnan,1999.
- Al-Nawawi, raudhatu al-thalibin wa ‘umdatu al-muftiin,1991, al-maktab al-Islami,Beirut. Zad al-muhtaj bi syarh al-minhaj,1982.
- Al-qawanin al-fiqhiyyah li Ibni al-Jazi al-Maliki
- Al-Nawawi, Al-majmu’ syarh muhazzab, Jeddah, Saudi.t.t
- Al-musuah al-fiqhiyyah al-kuwaitiyyah
- Al-Imrani al-Syafie al-Yamani Al-bayan fi mazhab al-imam al-Syafie, , al-minhaj t.t
- Al-Kahoji, Zad al-muhtaj bi syarh al-minhaj,1982.

Al-takmilah al-thaniah, al-majmu' syarh al-muhazzab, al-maktabah al-salafiyyah, Madinah al-Munawwarah.

Abu Yahya Zakariya al-ansori, Fath alwahhab bi syarh minhaj al-thullab.t.t

al-Malibari, 2004, Fath al-Mu'in bi syarh qurrat al-'ain bi muhimmat al-din, dar Ibnu Hazm, Beirut, Lubnan.

Al-Dimyati, I'anat al-Talibin 'ala hal al-faz fath al-mu'in, dar ihya' kutul al-'arabiyyah.t.t

Al-Ramli, 2003, nihayat al-muhtaj fi syarh al-minhaj, dar al-kutub al-ilmiyyah, Beirut, Lubnan.

Syeikh Abdullah al-fathoni, *al-jawahir al-saniyyah*

Al-Juwaini, 2007, Nihayat al-matlab fi dirayat al-mazhab, dar al-minhaj, Beirut, Lubnan.